

**PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
ASAS DRUMSET MELALUI LAMAN BLOG:  
MALAYSIA DRUMMER ZONE**

**SUHAIMEE BIN AHMAD**

**LAPORAN PEMBANGUNAN PRODUK  
DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT  
UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2009**

## PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

10.10.2009

SUHAIMEE BIN AHMAD  
M20072000721



## PENGHARGAAN

Dengan rasa bersyukur ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah keizinanNya maka dikesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih khusus kepada pensyarah pembimbing Profesor Madya Zaharul Lailiddin Bin Haji Saidon di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan beliau selain kepercayaan yang amat tinggi terhadap saya. Juga kepada En. Mohd Azam Sulong, En. Rostam Abdul Rahman, En. Saufi Abdullah, ibubapa, kaum keluarga sahabat handai, rakan-rakan seperjuangan dan semua yang terlibat samada secara langsung ataupun tidak. Teristimewa isteri tercinta Norwati Saleh dan anak-anak tersayang, Ailis, Mu'izz dan Yasmin yang telah banyak berkorban dan mendoakan kejayaan yang diimpikan ini.

10 Oktober 2009

SUHAIMEE BIN AHMAD

M20072000721

## Abstrak

Laporan projek kajian bertajuk Panduan Pengajaran Dan Pembelajaran Asas Drumset Melalui Laman Blog: *Malaysia Drummer Zone* ini disediakan bagi memenuhi keperluan kursus SPM 6006 dalam Program Sarjana Pendidikan Muzik, UPSI. Projek ini merupakan pembangimian satu laman blog bertajuk *Malaysia Drummer Zone* berkenaan asas drumset yang boleh diakses oleh sesiapa sahaja yang berminat dengan drumset. Blog ini boleh diakses melalui alamat <http://malysiadrummerzone.blogspot.com>. Blog ini boleh digunakan sebagai bahan pembelajaran sendiri dan juga sebagai panduan dan pengajaran asas drumset. Blog ini dibina berdasarkan reka bentuk instruksi bersistem. Untuk tujuan menilai laman blog yang dihasilkan, satu temubual telah ditadbir dengan memilih 3 daripada responden yang telah melawat blog ini berdasarkan kredibiliti mereka sebagai tenaga pengajar dan pemuzik. Secara keseluruhannya responden berpuas hati dengan usaha mewujudkan satu laman blog tentang drumset yang lengkap dan menarik. Usaha memperkenalkan rentak-rentak irama tradisional melayu dan pengenalan lagenda-lagenda drumset tanahair merupakan satu bonus kepada semua.

### *Abstract*

*This research report entitled **Panduan Pengajaran Dan Pembelajaran Asas Drumset Melalui Laman Blog: Malaysia Drummer Zone** is prepared in order to fulfill the requirement for the SPM 6006 course offered under the UPSI Master in Education Program. This project is a development of a blog: **Malaysia Drummer Zone** which covers the basic knowledge of drumset which can be access by anyone interested. This blog can be access by visiting <http://malysiadrummerzone.blogspot.com>. This blog can also be use as a self-access learning point and also as a guide in teaching of drumset basic. It is built based on systematic instructional design model. For the purpose of evaluating, interviews had been conducted by choosing 3 respondents that had visited the blog recently and also based on their credibility as music teachers and musicians. Overall the respondent are satisfied with the effort to develop such a complete and interesting blog. Also, efforts to introduce some of Malaysia Legend Drummers and the introduction of Malaysia traditional rhythm on drumsets is a bonus to all.*



**SENARAI ISI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Abstract	v
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>
1.1	Pengenalan 1
1.2	Latarbelakang Masalah 3
1.3	Tujuan Projek 5
1.4	Kesignifikan kajian/projek 5
1.5	Batasan Projek 6
1.6	Definisi operasi
	• Blog 7
	• Drumset 7
	• Drum Tab 7
	• Stroke 8
	• Drummer 8

**BAB 2****PROSEDUR MEMBANGUNKAN PROJEK**

2.1	Pengenalan	9
2.2	Definisi blog	10
2.3	Pengumpulan bahan	11
2.4	Kriteria Pemilihan Topik Di Dalam Blog	13
2.5	Proses Mencari Bahan untuk Blog	14
2.6	Proses Membina Blog	18
2.7	Manual Prosedur pembinaan blog	20
2.8	Pemilihan Template/Layout	22
2.9	Proses Muat Naik Bahan	23
2.10	Rumusan	27

**BAB 3****HURAIAN TENTANG PRODUK**

3.1	Pengenalan	29
3.2	Pilihan untuk Membina Laman Blog bagi Projek ini di anggap paling sesuai kerana:	30
3.3	Bagaimana Mengakses Laman Blog	31
	• 3.3.1 Paparan Halaman Blog	35

3.3.2	Kata alu-aluan	35
3.3.3	Profil Ringkas Penulis	36
• 3.3.4	Sign In	37
• 3.3.5	Pengikut setia blog	37
• 3.3.6	Jam digital	38
• 3.3.7	Kalendar	38
• 3.3.8	Mengakses posting	39
• 3.3.9	Ruang Sembang	40
• 3.3.10	Widjet Tambahan	40
	<b>Kategori 1: Pengenalan</b>	44
3.4.1	Posting 1 Malaysia Drummer Zone	44
3.4.2	Posting 2 Sejarah Drumset	45
3.4.3	Posting 3 Biografi	46
3.4.4	Posting 4 Pendahuluan	47
	<b>Kategori 2: Pengenalan alat</b>	48
3.5.1	Posting 1 Kulit Drum	48
3.5.2	Posting 2 Tom-tom	49
3.5.3	Posting 3 Bass Drum	50
3.5.4	Posting 4 Kick Drum Pedal	51
3.5.5	Posting 5 Drum Throne	52
3.5.6	Posting 6 Snare Drum	53
3.5.7	Posting 7 Cymbal	54



3.5.8 Posting 8 Jenama Dram di Pasaran	55
3.5.9 Posting 9 Perkakasan	56
3.5.10 Posting 10 Memilih Drumset	57
Kategori 3: Asas Notasi Drum	58
3.6.1 Posting 1 Notasi Drumset	58
3.6.2 Posting 2 Drum Tab	59
Kategori 4: Asas Perraaianan Drum	60
3.7.1 Posting 1 Fill in	60
3.7.2 Posting 2 Teknik asas paluan menggunakan match/traditional grip.	61
3.7.3 Posting 3 Memilih Kayu Drum	62
3.7.4 Posting 4 Bagaimana Mengawal Tempo	63
3.7.5 Posting 5 Masteri Beat Asas	64
3.7.6 Posting 6 Drum Stroke	65
Kategori 5: Penyelenggaraan Drum	66
3.8.1 Posting 1 Teknik Memasang drum set	66
3.8.2 Posting 2 Penjagaan dan Penyelenggaraan drum	67
Kategori 6: Rentak Melayu Tradisional	68
3.9.1 Postmg 1 Rentak Melayu Tradisional (Drumset)	68
Kategori 7: Alatan tambahan	70
3.10.1 Posting 1 Pad dan Kit Latihan	70
3.10.2 Posting 2 Virtual Drum	71
Kategori 8: Appresiasi Drum	72

	3.11.1	: Posting 1 Drummer-drummer Lagenda	72
		Tempatan	
3.12		Rumusan	74
BAB	4	PERBINCANGAN DAN PRODUK	
4.1		Pengenalan	75
4.2		Latar belakang responden	76
4.3		Analisis Dapatan Temubual	78
	4.3.1	Pengalaman sebagai pemuzik	79
	4.3.2	Blog Malaysia Drummer zone boleh diakses	80
	4.3.3	Tanggapan awal responden	82
	4.3.4	Kesesuaian Pemilihan Kategori	84
	4.3.5	Penerangan lengkap	85
4.4		Kesesuaian permainan drumset disekolah	86
4.5		Rumusan	87
BAB	5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1		Pengenalan	88
5.2		Ringkasan Produk	89
5.3		Fungsi Produk	91
5.4		Sasaran Pengguna	92
5.5		Penilaian Kekuatan	93
	5.5.1	Kekuatan yang terdapat di dalam produk	94
	5.5.2	Kelemahan Produk	95
5.6		Cadangan-cadangan	96

5.7

Rumusan

97

Rujukan

98



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Kepesatan dari segi teknologi maklumat pada era globalisasi ini mempunyai impak yang besar terhadap tamadun manusia. Sehubungan dengan itu, bidang pendidikan tidak boleh ketinggalan dari aspek penggunaan dan aplikasi teknologi dalam mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Proses pembelajaran ini berlaku sepanjang hayat seseorang manusia. Proses pembelajaran berlaku tidak mengira tempat dan sebarang masa.

" Perkemhangan teknologi tinggi kini memungkinan informasi bergerak tanpa had dan sempadan. Segala-galanya boleh didapati dengan segera dan pantas melalui media elektronik. Kemajuan canggih yang mampu menjimatkan masa dan penggunaan tenaga malah memudahkan pemindahan dan transformasi maklumat ini, bergerak dan berlaku dalam ruang siber atau maya yang tiada lokasinya, kini semakin menjadi realiti dalam dunia pendidikan di Malaysia."

(Azwan & Rozita. 2002)

Salah satu daripada kemajuan teknologi yang telah dicipta ialah blog. Blog bukan sahaja digunakan sebagai satu bentuk interaksi sosial, malah blog kini boleh digunakan sebagai satu instrumen yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada para pelajar. Melalui blog ini pelajar-pelajar muzik baik di sekolah mahupun mereka yang berada di IPT akan dapat memanfaatkan informasi-informasi yang terkandung di dalamnya. Dengan ini diharapkan penggunaan blog akan dapat memainkan peranan yang lebih pada masa hadapan dan dengan kelebihanannya iaitu dapat diakses oleh semua pihak di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

*Menurut Rozinah Jamaluddin(2000), dalam kaedah pengajaran konvensional, murid-murid hanya menguasai dan mengingat 30% sahaja daripada apa yang mereka pelajari manakala melalui pengajaran dan pembelajaran multimedia interaktif, mereka dapat menguasai dan mengingat sehingga 80% daripada apa yang mereka pelajari. Kombinasi grafik, animasi, teks, video dan bunyi dalam satu peristimewo membantu untuk mempertingkatkan interaksi, berbeza dengan pembelajaran konvensional yang menggunakan buku teks sebagai media*

*"People only remember 15% of what they hear and 25% of what they see but they remember over 60% of what they interact with "*

*Wolfgram (1994)*

Umum menyedari bahawa blog-blog berkaitan muzik kini tumbuh bagai cendawan selepas hujan di seluruh dunia. Malangnya blog-blog seumpama ini kebanyakannya ditulis dalam Bahasa Inggeris. Keadaan itu mewujudkan keperluan untuk membina sebuah blog tentang permainan drum dalam Bahasa Malaysia. Dengan ini diharapkan dengan wujudnya blog ini akan dapat menjadi sumber rujukan dan secara tidak langsung memberi peluang kepada lebih ramai individu untuk mempelajari asas drumset

## **1.2 Latar belakang Masalah**

Permainan drum terutama sekali drumset sangat menarik perhatian para pelajar di sekolah-sekolah, Institusi-institusi perguruan dan pusat-pusat pengajian tinggi. Pelajar-pelajar yang mengikuti kelas muzik sekalipun rata-rata tidak berpeluang untuk mempelajari teknik bermain drum secara formal atau secara langsung di dalam kelas. Bagi pelajar-pelajar yang mampu dari segi kewangan, mereka ini boleh menyertai kelas-kelas formal yang disediakan oleh sekolah muzik seperti Yamaha dan Rock School Mereka juga boleh mendapatkan tutor khas untuk mengajar mereka secara individu.

Bagi pelajar-pelajar yang berminat tetapi tidak berkemampuan atau pelajar-pelajar yang menuntut di Sekolah Berasrama Penuh, peluang ini seolah-olah tertutup untuk mereka. Adalah amat menyedihkan kerana tiada satupun komponen dalam sukatan pelajaran pendidikan muzik yang meletakkan drumset sebagai satu kemahiran khusus yang perlu dipelajari sedangkan drumset telah menjadi sebahagian daripada peralatan utama dalam apa-apa bentuk "*ensemble*" sekalipun. Kepentingan mempelajari drumset seolah-olah dinafikan haknya dalam sukatan pelajaran kita.

Bagi guru-guru muzik yang mengajarkan muzik di sekolah-sekolah yang terpilih untuk program khas muzik, mereka ini telahpun dibekalkan dengan peralatan muzik lengkap yang terdiri daripada peralatan *rhythm section* alatan *brass*, *woodwinds* dan *strings*. Peralatan *rhythm section* yang dibekalkan adalah termasuk seunit drumset. Memandangkan kebanyakan guru muzik bukanlah pemain drumset, maka tugas mengajar drumset adalah sesuatu yang agak sukar untuk dilaksanakan. Terdapat gubahan *wind orchestra* yang memasukkan bahagian drumset dalam skor mereka.

### 13 Tujuan Projek

Tujuan utama projek ini adalah untuk menyediakan satu laman blog panduan pengajaran dan pembelajaran asas drumset dan maklumat-maklumat terkini berkaitan drum.

Secara khususnya projek membangunkan blog ini adalah seperti berikut:

- i) Menyediakan panduan asas permainan.
- ii) Menyediakan informasi-informasi berkaitan drumset.
- iii) Menyediakan rujukan untuk pengajaran dan pembelajaran akses sendiri.
- iv) Mempelajari aspek-aspek teknikal penjagaan drumset.

### 14 Kesignifikanan projek

Menyedari bahawa kebanyakan sekolah-sekolah menengah yang menjalankan kelas muzik kini telah dibekalkan dengan satu set alat-alat muzik yang berupa drumset, gitar, *amplifier*, *strings* dan alatan *brass*. Justeru masalah dari segi pengetahuan dan pengalaman seseorang guru yang mengajar agak terbatas dan tertakluk kepada bidang kepakaran masing-masing. Melalui laman blog *Malaysia Drummer Zone*, diharapkan masalah untuk mengenali dan mempelajari drumset dapat diatasi melalui pembelajaran sendiri oleh pelajar-pelajar serta guru sendiri.



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      6 UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Berdasarkan pengalaman saya sebagai pemain drum, saya percaya blog ini mampu dimanfaatkan oleh orang ramai secara amnya dan pelajar-pelajar muzik di IPX khususnya untuk dijadikan sebagai sumber rujukan terkini.

Penggunaan blog ini adalah satu cara yang baik menyebarkan maklumat kerana bahan-bahan yang dimuatkan di dalamnya boleh sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa. Saya menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantarnya kerana saya berpendapat blog ini boleh dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar di Malaysia khususnya dan Nusantara Melayu amnya memandangkan kurangnya blog-blog seperti ini.

#### 1.5 Batasan Projek

Projek *Malaysia Drummer Zone* ini adalah terdiri daripada bahan-bahan yang dikumpulkan melalui internet, buku-buku dan berdasarkan pengalaman dan penglibatan saya dalam permainan drumset selama 29 tahun.

- i) Bahan-bahan yang dikumpulkan itu mencakupi teknik asas permainan drumset untuk *beginner*.
- ii) Asas permainan rentak Melayu tradisional dengan menggunakan drumset.
- iii) Menyediakan asas pengendalian dan penjagaan drumset.
- iv) Pengetahuan asas tentang drumset.

## 1.6 Definisi operasi

### 1.6.1 Blog

Blog ialah sejenis website yang selalunya diselenggara oleh seseorang individu dengan memasukkan komen, deskripsi, acara dan material-material lain seperti grafik, video dan audio. Kemasukan maklumat itu dipersembahkan dalam susunan kronologi mengundur di mana apa sahaja yang dimasukkan dahulu akan berada di bawah dan yang terkini berada paling atas.

### 1.6.2 Drum set

Gabungan beberapa jenis dram dan cymbal yang dimainkan oleh seorang pemain dengan menggunakan tangan dan kaki. Sejenis alat perkusi yang sangat penting di dalam persembahan berkumpulan. Kemahiran dan sinkronisasi seseorang itu amat penting untuk mengendalikan kedua-dua tangan dan kaki yang akan mempunyai peranan masing-masing.

### 1.6.3 Drum Tab

Sejenis notasi atau sistem bacaan skor muzik untuk pemain drum yang berasaskan nombor.

#### 1.6.4 Stroke

Gaya pukulan dan paluan seseorang pemain drum. Gaya paluan seorang drummer dengan drummer yang lain berbeza dari aspek *skill*, ton dan interpretasi. Ini dapat dilihat daripada gaya permainan seseorang drummer yang disifatkan mempunyai *groove* tersendiri dalam permainannya sehinggakan perbezaan dari aspek *strokenya* dapat dikesan dan dijadikan *trademark* kepada seseorang drummer tersebut.

#### 1.6.5 Drummer

Semua pemain drum yang memainkan drum dipanggil drummer termasuklah mereka yang memainkan drumse. Kemahiran seseorang drummer bergantung kepada kebolehannya memainkan ritma-ritma dan jenis-jenis paluan yang dapat menarik perhatian audiens. Beliau juga perlu mampu untuk memainkan apa sahaja rentak yang diminta. Seseorang drummer perlu mempunyai *instinct* dan kreativiti yang tinggi semasa membuat persembahan untuk memastikan kejayaannya.

## Bab 2

### PROSEDUR MEMBANGUNKAN PROJEK

#### 2.1 Pengenalan

Tujuan utama projek ini adalah untuk membangunkan laman blog interaktif *Malaysia Drummer Zone*. Matlamat pembinaan laman blog ini ialah untuk memberi panduan pengajaran dan pembelajaran asas drumset kepada sesiapa yang berminat. Penggunaan laman blog dianggap sesuai pada zaman globalisasi ini memandangkan semua pihak dapat berkongsi maklumat dan menyumbang kepada sesuatu kebaikan disamping usaha untuk memperkenalkan Malaysia dari satu sudut yang berbeza. Melalui blog ini juga secara tidak langsung akan menggalakkan pelajar-pelajar yang berminat mendalami aspek drumset secara pembelajaran sendiri. Proses pembelajaran sendiri merupakan satu proses

pembelajaran yang diterima pada era ini kerana kebanyakan informasi sudah boleh dicapai sendiri oleh pelajar tanpa bantuan sesiapa dan perkembangan diri pelajar-pelajar ini bergantung kepada bagaimana mereka memanfaatkan ilmu yang dimiliki oleh mereka. Justera, bab ini akan memperjelaskan prosedur membangunkan projek ini seperti berikut:

- \* Definisi Blog
- \* Pengumpulan Bahan
- \* Kriteria Pemilihan topik di dalam blog
- \* Proses mencari bahan untuk blog
- \* Proses membina blog
- \* Manual prosedur pembinaan blog
- \* Pemilihan template /layout
- \* Proses muat naik bahan

## 2.2 Definisi Blog

Perkataan blog adalah kependekan dari weblog. Ia adalah jurnal online peribadi yang sering dikemaskini dan dieka untuk tatapan masyarakat umum. Blog ditakrifkan oleh format: serangkaian entri yang dipos ke satu laman secara *reverse chronology*. Blog selalunya mewakili keperibadian penulis atau menceraikan tujuan daripada laman web yang menghostkan blog. Topik kadang-kadang

merangkumi renungan falsafah singkat, Internet dan komentar tentang isu-isu sosial lain, dan link ke halaman lain pengarang, terutama yang menyokong suatu isu yang dibuat pada posting. Penulis blog sering disebut sebagai seorang blogger.

### 2.3 Pengumpulan Bahan

Proses pengumpulan bahan-bahan untuk projek ini dijalankan dengan mengambil kira kepentingan dan kesignifikannya dengan projek yang akan dijalankan. Bahan-bahan yang dikumpulkan adalah merangkumi bahan-bahan yang diperolehi daripada Internet, buku-buku rujukan tentang permainan drum dan juga berdasarkan pengalaman saya sebagai pemain drum selama 29 tahun. Bahan-bahan yang dikumpulkan itu ialah bahan-bahan maklumat berkenaan drum melalui laman web yang berkaitan, bahan-bahan asas permainan drum daripada buku-buku rujukan, rakaman video yang dijalankan sendiri, audio dan video teknik asas daripada *youtube*.

Prosedur membangunkan projek dimulakan dengan saya melayari internet untuk mengkaji sejauh mana informasi yang boleh diperolehi daripadanya. Amat menakjubkan kerana boleh dikatakan apa sahaja yang kita inginkan ada di sana. Namun setelah diamati, sangat kurang website dan blog yang menetengahkan

topik asas permainan drumset dalam Bahasa Malaysia Malah apabila difikirkan, boleh dikatakan jarang sekali ada website dan blog yang benar-benar memberikan maklumat terperinci berhubung asas drumset. Kebanyakan blog adalah dalam Bahasa Inggeris dan lebih mirip kepada blog "fan club" , blog sosial dan blog komersial.

Perbezaan yang ingin diketengahkan di dalam blog ini selain asas permainan drumset ialah aspek pengetahuan tentang drum, penjagaan drum, apresiasi drum, pengenalan rentak-rentak asas melayu tradisional, perkakasan drum dan penghargaan kepada pemuzik-pemuzik tempatan. Tujuan utama blog ini adalah bukan untuk menyaingi kehebatan blog-blog dan website dari barat tetapi ke arah berkongsi ilmu dan pengetahuan kepada masyarakat terutama yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Saya merasakan sudah sampai masanya kita memiliki blog seumpama ini untuk dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar sekolah dan juga penuntut-penuntut pusat pengajian tinggi di samping menyumbang kepada proses pembelajaran sendiri kepada sesiapa sahaja yang berminat.

## 2.4 Kriteria Pemilihan Topik Di Dalam Blog

Setelah mengkaji dan menimbangkan beberapa aspek, saya telah membuat keputusan untuk mengkategorikan topik-topik tersebut kepada 8 kategori seperti di bawah:

Kategori 1: Pengenalan

Kategori 2: Pengenalan Alat

Kategori 3: Asas Notasi Drumset

Kategori 4: Asas Permainan Drumset

Kategori 5: Penyelenggaraan Drumset

Kategori 6: Rentak Melayu Tradisional

Kategori 7: Alatan Tambahan

Kategori 8: Appresiasi Drum